

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
KAWASAN : BUKIT MERTAJAM
NO. SOALAN : 177

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan maklumat termasuk nama syarikat asing yang ditutup mengikut negeri, pekerja yang terlibat dan pekerja yang berjaya diserap ke pekerjaan baru, dan sebab penutupan daripada 2015 hingga kini.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam tempoh 2015 hingga September 2016, terdapat 23 buah syarikat perkilangan telah menutup operasi di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 buah syarikat dimiliki secara majoriti oleh rakyat asing dan bilangan guna tenaga yang diberhentikan daripada syarikat-syarikat tersebut adalah seramai 7,371 orang. Syarikat asing yang terlibat mengikut negeri adalah:

No	Negeri	Nama Syarikat
1.	Pulau Pinang	Penang Seagate Industries (M) Sdn. Bhd.
		HGST Technologies Sdn. Bhd.
		Rubicon Technology Inc.
		Fairchild Semiconductor (M) Sdn. Bhd.
		OE Design Sdn. Bhd.
		Amphenol Malaysia Sdn. Bhd.
2.	Selangor	Cigweld (M) Sdn Bhd
		MIC Group Malaysia Sdn. Bhd.
		JVC Manufacturing Sdn. Bhd.
		Ansell Shah Alam Sdn. Bhd.

No	Negeri	Nama Syarikat
		CCM Fertilizers Sdn. Bhd.
		Nankai-Nikke (Malaysia) Sdn. Bhd.
3.	Negeri Sembilan	
		Samsung Electronics Display (M) Sdn.Bhd.
		Saint-Gobain AAC Sdn. Bhd.
4.	Perak	
		MEMC Ipoh Sdn. Bhd.
5.	Terengganu	
		Nankai-Nikke (Terengganu) Sdn. Bhd.
6.	Pahang	
		Logoplaste Malaysia Kuantan Sdn Bhd.

Bagi tempoh Januari sehingga September 2016, jumlah pekerja yang telah diserap ke pekerjaan baharu adalah sebanyak 620 orang. Walau bagaimanapun, jumlah ini akan bertambah memandangkan pihak syarikat masih giat melaksanakan program penempatan seperti sesi temuduga dan menyertai pameran kerjaya.

Sebab-sebab penutupan operasi adalah:

- Penurunan dalam jualan dan permintaan pasaran;
- Peningkatan dalam kos pengeluaran;
- Masalah kewangan;
- Sumber bahan mentah yang terhad;
- Pengambilalihan oleh syarikat lain;
- Penstrukturan semula syarikat; dan
- '*Disruptive technology*' iaitu kemunculan teknologi baharu yang menggantikan teknologi dan produk sedia ada. Ia mendorong syarikat untuk mengubah operasi perniagaan bagi memastikan produk kekal relevan di pasaran.

Walaupun bagaimanapun, menurut statistik terkini, jumlah penutupan operasi perkilangan dalam tempoh 2015 hingga September 2016 tersebut adalah lebih kecil berbanding dengan jumlah projek perkilangan yang mula beroperasi.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
DARIPADA [BATU KAWAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik bilangan murid Orang Asli berumur 7 hingga 12 tahun yang tinggal di asrama sekolah mengikut daerah dan negeri dari tahun 2008 hingga sekarang dan jika Kerajaan akan menubuhkan sekolah rendah (Darjah 1 hingga 3) asas dalam perkampungan Orang Asli untuk mengurangkan keciciran.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan murid orang asli yang tinggal di asrama harian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang dan Kelantan adalah seramai 5,783 orang pada tahun 2014, 5,979 orang pada tahun 2015 dan 5,318 orang pada tahun 2016.